



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN PAUN SIMPANAN HAIWAN  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**01 OKTOBER 2019 (SELASA)**  
**9.30 PAGI**

**PAUN SIMPANAN HAIWAN**  
**TAMAN PERINDUSTRIAN RINGAN USAHAJAYA**  
**PERMATANG TINGGI**

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Berhormat Lee Khai Loon**

Ahli Dewan Undangan Negeri  
Machang Bubuk

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmod**

Puan Setiausaha Bandaraya

**Yang Berbahagia Professor Madya Dr. Rumaizi Bin Shaari**

Timbalan Dekan Hospital Perubatan Veterinar  
Fakulti Veterinar  
Universiti Malaysia Kelantan

**Yang Berusaha Dr. Tishrin Binti Muhammad Ismail**

Ketua Bahagian Regulatori  
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Tan Kah Chuah**

Pengerusi Society for the Prevention of Cruelty to Animals (SPCA)  
Seberang Perai

**Kakitangan-kakitangan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinnya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Perasmian Paun Simpanan Haiwan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) di Taman Perindustrian Ringan Usahajaya, Permatang Tinggi anjuran Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan kerjasama Universiti Malaysia Kelantan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang dan *Society for the Prevention of Cruelty to Animals* (SPCA) Seberang Perai

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Lee Khai Loon, ADUN Machang Bubuk, Professor Madya Dr. Rumaizi Bin Shaari, Timbalan Dekan Hospital Perubatan Veterinar, Fakulti Veterinar, Universiti Malaysia Kelantan; Dr. Tishrin Binti Muhammad Ismail, Ketua Bahagian Regulatori, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang; Puan Tan Kah Chuah, Pengurus *Society for the Prevention of Cruelty to Animals* (SPCA) Seberang Perai; Ahli-Ahli Majlis MBSP; Puan Setiausaha Bandaraya MBSP; Ketua-Ketua Jabatan MBSP dan kakitangan-kakitangan MBSP, dan tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian kerana sudi hadir ke majlis ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Universiti Malaysia Kelantan, Jabatan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang serta *Society for the Prevention of Cruelty to Animals* (SPCA) Seberang Perai yang telah memberi komitmen padu untuk bersama-sama MBSP dalam menjayakan program pada hari ini.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah dengan secara rasminya diisyiharkan sebagai Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) berkuatkuasa pada 16 September 2019. Dengan pengisytiharan ini, MBSP menjadi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ke-15 daripada 150 PBT yang bertaraf bandaraya. Pulau Pinang adalah negeri pertama di Malaysia yang mana kedua-dua PBT di negeri itu bertaraf bandaraya dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di bahagian pulau manakala MBSP di seberang.

MBSP komited untuk membawa perubahan kepada rakyat setelah dinaiktaraf menjadi bandaraya supaya semua rakyat Sbeerang Perai dapat menikmatinya. Antara komitmen kami ialah menjadi bandaraya yang seiring

dengan *Penang 2030 “A Family – Focused Green and Smart State That Inspire The Nation”*, komited untuk menjadi sebuah bandaraya berteraskan pembangunan rendah karbon, sebuah bandaraya berdaya tahan, bandaraya yang inklusif, saksama dan pembangunan berpaksikan rakyat serta Seberang Perai komited untuk menjadi sebuah bandaraya yang kompetitif dan pintar.

Hala tuju MBSP adalah jelas iaitu mensasarkan untuk mengurangkan 50% pelepasan karbon menjelang tahun 2022 iaitu pengurangan penghasilan karbon daripada **8.0 tan CO<sub>2</sub>e per kapita** kepada **4.0 tan CO<sub>2</sub>e per kapita**. Selain itu, sasaran menjadi *carbon neutral city* pada tahun 2030, iaitu 10 tahun dari Januari 2020 dan menjadi *zero carbon city* pada tahun 2050. MBSP juga komited untuk bersama bandaraya-bandaraya lain di dunia untuk menangani perubahan cuaca supaya dapat menghadkan pemanasan global ke *1.5 degree Celcius*.

Oleh itu, dalam mendapatkan pengiktirafan rakyat dan mengekalkan prestasi yang cemerlang, MBSP telah melaksanakan pelbagai program untuk rakyat dan menggariskan dasar-dasar atau garis panduan yang mudah, cepat, cekap dan telus. MBSP telah mewujudkan Hala Tuju Strategik Seberang Perai yang mampan dan lestari Jangka Pendek, Sederhana dan Panjang. Malahan ianya menjadi Kontrak Sosial bagi

menjadikan “Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandaraya Dipacu oleh Teknologi”. Kontrak sosial ini menandakan bermulanya era *Contemporary Society* yang berpegang kepada falsafah “Seberang Perai Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar Berpaksikan Rakyat”.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Paun Simpanan Haiwan MBSP ini telah mula dibina pada 9 April 2018 dan siap sepenuhnya pada 27 Ogos 2018. Tapak asal Paun adalah Tapak Kompleks Penjaja Taman Usahajaya yang terbiar. Kos pembinaan Paun adalah sebanyak RM414,820.00. Terdapat 10 komponen utama dalam Paun iaitu pejabat, klinik pemandulan, stor, tandas, kandang lembu, kandang kambing, kandang babi, kandang anjing dan kandang kucing / ayam. Kapasiti penyimpanan haiwan dalam Paun untuk satu-satu masa adalah sebanyak dua (2) ekor lembu, enam (6) ekor kambing, dua (2) ekor babi, 100 ekor anjing dan 50 ekor kucing dan ayam. Keluasan tapak Paun adalah sebayak 0.2614 ekar.

Pengurusan Paun telah diserahkan sepenuhnya kepada Jabatan Perkhidmatan Kesihatan pada 7 September 2018 dan mula beroperasi

pada 1 April 2019 untuk menyimpan haiwan berkeliaran yang ditangkap oleh MBSP. Kos pengurusan Paun yang ditanggung oleh MBSP adalah sebanyak RM9,420.00.

Matlamat utama program pada hari ini adalah untuk memberikan kesedaran dan kefahaman kepada pemilik haiwan kesayangan mengenai cara pemeliharaan yang betul serta mengikuti undang-undang. Ini penting bagi memastikan haiwan kesayangan dilesenkan dan tidak dibuang sewenang-wenangnya oleh pemilik seterusnya menjadi anjing terbiar di jalan. Pengurangan anjing terbiar di jalan dapat mewujudkan persekitran yang selamat bebas daripada serangan, kacau ganggu kotoran dan juga paling penting mencegah penyakit bawaan anjing terbiar seperti *rabies*.

Dalam Fokus Kesejahteraan Bandar di bawah Hala Tuju Strategik Ke Arah Bandaraya Seberang Perai Yang Mampan dan Lestari, MBSP telah merangka satu program pemandulan anjing dan pendidikan kepada pemilik haiwan kesayangan serta mengadakan kerjasama strategik dengan pusat pengajian tinggi seperti Universiti Malaysia Kelantan dan pertubuhan sukarela seperti *Society for the Prevention of Cruelty to Animals (SPCA)* untuk menangani isu anjing liar. Program ini selaras dengan *Penang 2030*

*“A Family – Focused Green and Smart State That Inspires The Nation”* iaitu

di bawah Tema A: *Increase liveability to enhance quality of life.*

Terdapat dua (2) aktiviti utama yang telah diatur dalam program pada hari ini iaitu Program Pemandulan Anjing dan Program Pendidikan. Program Pendidikan melibatkan aktiviti-aktiviti:-

- i. Pelesenan Anjing,
- ii. Program Pemvaksinan dan juga Program Mikrochip dan *Pet Passport* Anjing dan Kucing,
- iii. Pameran, dan
- iv. Program “*adoption*” anjing dan kucing.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Program Pemandulan dan Pendidikan Haiwan Kesayangan ini merupakan salah satu aktiviti di bawah *Seberang Perai Corporate Priorities* bagi mewujudkan persekitaran yang selamat. Program ini diadakan sebagai salah satu inisiatif MBSP dalam mewujudkan persekitaran yang selamat daripada kacau ganggu haiwan terbiar khususnya anjing terbiar.

Isu anjing terbiar ini masih menjadi isu yang kritikal di mana sehingga Ogos

2019 sebanyak 1,049 aduan berkaitan anjing telah diterima oleh MBSP. Sebagai langkah proaktif, MBSP telah menjalankan operasi tangkapan anjing setiap hari dan sehingga Ogos 2019 sebanyak 1943 ekor anjing terbiar berjaya ditangkap oleh pihak MBSP.

Bagi Program Pemandulan Anjing, ini merupakan kali kedua program ini diadakan pada tahun ini. Pada tahun 2018, MBSP telah berjaya mengatur program seumpama ini sebanyak tiga (3) kali di Daerah SPS dan SPT. Di bawah program ini, pemilik boleh menikmati kadar bayaran pemandulan yang rendah daru harga pasaran iaitu RM180.00 untuk anjing betina dan RM80.00 untuk anjing jantan berbanding di pasaran iaitu RM250.00 hingga RM450.00.

Program ini dilaksanakan dengan kerjasama daripada rakan strategik MBSP iaitu bersama Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan juga bersama komuniti / NGO. Program kolaborasi bersama UMK telah bermula pada tahun 2016. Sehingga kini sebanyak enam (6) program telah dijalankan dan 33 ekor anjing berjaya dimandulkan.

MBSP juga menyediakan kaunter bergerak dalam program ini bagi memberikan peluang dan kemudahan kepada pemilik-pemilik anjing untuk

memohon lesen anjing peliharaan masing-masing tanpa perlu ke Pejabat MBSP. Di samping itu, kaunter bergerak ini juga menawarkan perkhidmatan lain seperti pembayaran kompaun dan cukai pintu kepada penduduk setempat. Bagi permohonan lesen, pemilik dinasihatkan membawa cukai pintu. Lesen anjing hanya boleh didapati dengan bayaran RM10.00 untuk setiap ekor anjing yang dilesenkan.

Perkhidmatan vaksinasi kepada anjing dan kucing juga disediakan dalam program hari ini dan dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang. Untuk anjing terdapat dua (2) jenis vaksin iaitu vaksin *rabies* dengan caj sebanyak RM35.00 dan vaksin rutin *9 in 1* dengan caj sebanyak RM25.00. Bagi yang berminat untuk mendapatkan vaksin kucing pula akan dikenakan caj sebanyak RM25.00.

Program ini juga menyediakan pameran statik daripada MBSP, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang dan juga SPCA. MBSP mempamerkan risalah berkaitan undang-undang pemeliharaan anjing di Seberang Perai dan juga orang ramai boleh mendaftar untuk pemandulan. Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan mengetengahkan konsep Akta Kebajikan Haiwan dan Haiwan Kesayangan dengan mempamerkan *pet passport* dan juga *microchip*. Pemilik anjing juga berpeluang untuk mendapatkan pakej *microchip* beserta *pet passport* dengan kadar yang

rendah iaitu RM7.00 sahaja berbanding dari biasa iaitu RM25.00. Para pengunjung juga boleh melawat ruang pameran SPCA untuk mendapatkan haiwan kesayangan seperti anjing dan kucing.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Saya mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan ke Paun Simpanan Haiwan MBSP dan Program Pemandulan dan Pendidikan Haiwan Kesayangan yang bermula pada pukul 8.30 pagi sehingga 4.30 petang. Progam ini dilihat sebagai salah satu langkah jangka masa panjang untuk mengurangkan populasi haiwan kesayangan terutamanya anjing di jalanan dan tempat-tempat awam. Program ini juga dapat memberikan komuniti satu persekitaran yang selamat daripada gangguan anjing terbiar pada masa akan datang, memberikan kesedaran kepada pemilik anjing dan kucing tentang pemeliharaan yang betul dan menjamin kebajikan haiwan kesayangan secara tidak langsung.

Terima kasih saya ucapkan kepada semua yang bertungkus lumus bagi menjayakan program pada hari yang dianjur oleh MBSP dengan kerjasama kerjasama Universiti Malaysia Kelantan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang dan *Society for the Prevention of Cruelty to*

*Animals (SPCA) Seberang Perai. Terima kasih tidak terhingga kepada Ahli-Ahli Majlis, warga kerja MBSP serta seluruh penduduk Seberang Perai yang hadir memberikan sokongan padu ke atas usaha-usaha ini.*

Seberang Perai telah sampai dikemuncak penitian evolusi bandar. Seberang Perai tidak mendapat taraf Bandaraya secara kebetulan. Seberang Perai mencapai taraf Bandaraya di atas usaha gigih *Wira Orange*, pimpinan yang berwawasan, rakyat yang muafakat. Justeru, marilah kita mempertahankan anugerah ini dengan bertekad memberi perkhidmatan terbaik untuk rakyat bagi mencapai ***“Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif Dan Bandaraya Pintar Dipacu Oleh Teknologi”***.

Sebagai mengakhiri kata-kata, dengan lafadz BISMILLAH saya dengan ini merasmikan Paun Simpanan Haiwan MBSP dan juga Program Pemandulan Anjing Dan Pendidikan Haiwan Kesayangan MBSP Bersama UMK dan Komuniti / NGO.

### **Sekian**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***

**Terima kasih.**